

Revolusi pembangunan usahawan Bumip

BH 15/04/09 ms 18

Pemansuhan MeCD membolehkan banyak kementerian, agensi da

Oleh Kamal Ahmad
rencanabh@bharian.com.my

PEMANSUHAN Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) kini menjadi perubahan hangat. Pelbagai pihak mempersoalkan masa depan usahawan Bumiputera sedia ada dan bagaimana mahu melahirkan usahawan Bumiputera yang baru.

Tindakan memansuhkan kementerian itu dianggap merugikan. Akibatnya, usahawan Bumiputera yang rata-rata terbabit dengan industri belakang rumah (*back yard industries*) serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mula panik.

Selepas menerima kesan daripada kejatuhan pengeluaran dan jualan berikutan keruntuhan ekonomi global, kini MeCD dimansuhkan dan mereka bagai kehilangan tempat bergantung. Apakah Datuk Seri Najib Razak, silap membuat keputusan ketika mengumumkan barisan Kabinet baru Khamis lalu?

Jika MeCD tidak lagi wujud, kementerian mana yang bakal menggalas misi, melaksana program dan membantu pembangunan usahawan Bumiputera? Ke mana hala Mara, Tekun Nasional, Bank Rakyat, Bank SME dan Perbadanan Nasional Bhd yang menjadi jentera menggerakkan sosioekonomi Bumiputera?

Justeru, andaian kemungkinan yang bakal berlaku ialah program pembangunan usahawan dilaksanakan oleh lebih banyak kementerian, agensi dan syarikat konglomerat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), projek wilayah ekonomi serta melalui kerajaan negeri.

Agensi lain yang boleh dibabitkan secara besar-besaran ialah Felda, Felcra, Risa selain Fama, Perbadanan Nasional (Pernas), Agrobank dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi/Iktisad Negeri-Negeri.

Dengan menghapuskan MeCD, misi melaksanakan program digalas oleh banyak kementerian, agensi dan badan lain. Ini diyakini mampu mengemblem usaha,



PERUSAHAAN batik tempatan dilakukan oleh pengusaha Bumiputera yang selalunya menghadapi masalah pemasaran dan pengeluaran produk.

tumpuan dan kesungguhan untuk membangunkan lebih ramai usahawan baru Bumiputera.

Contohnya, Bumiputera paling hampir dengan sektor pertanian (bukan peladangan). Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mesti menggariskan satu pelan induk membangunkan kelompok Bumiputera dalam keusahawanan berasaskan pertanian. Ini membabitkan sektor pengeluaran hasil akuakultur, ternakan, sayuran dan herba.

Kemudian ada kelompok yang mempro-

ses dan mengilang semua hasil itu untuk pasaran. Kerajaan juga bertanggungjawab melahirkan usahawan Bumiputera yang melakukan promosi dan pemasaran.

Contoh lain, Kementerian Pelancongan diterajui Datuk Seri Ng Yen Yen dan timbalannya, Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman Abdul Taib yang menggalas program pembangunan usahawan Bumiputera dalam sektor seperti resort, chalet, homestay, penyediaan bot untuk sukan air dan memancing serta agensi pelancongan.

Kementerian Pelajaran yang dipertang-

Bumiputera hendaklah disegera

an konglomerat bantu peniaga Melayu



Jika MeCD tidak lagi wujud, kementerian mana

yang bakal menggalas misi, melaksana program dan membantu pembangunan usahawan Bumiputera? Ke mana hala Mara, Tekun Nasional, Bank Rakyat, Bank SME dan Perbadanan Nasional Bhd yang menjadi jentera menggerakkan sosioekonomi Bumiputera?"

gungjawabkan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin, bukan saja perlu membuktikan kejayaan Program Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), malah memikirkan apakah bentuk perniagaan dalam sektor pendidikan yang boleh diceburi Bumiputera.

Mungkin pusat tuisyen, bengkel membuat pakaian sekolah, francais kantin sekolah, syarikat penyelenggara bangunan dan pembersihan sekolah, penerbitan buku tambahan, pembekalan komputer dan makmal antara yang boleh dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri itu. Selepas beliau berjaya melaksanakan program 'pertanian adalah satu perniagaan' maka konsep sama boleh diterapkan dalam sektor pendidikan.

Justeru, dengan melantik timbalan menteri daripada Ahli Parlimen bangsa Melayu bagi kementerian yang diterajui bukan Melayu, maka ini mungkin strategi Najib dalam persediaan melaksanakan program pembangunan usahawan Bumiputera. Misi ini satu tugas yang sangat penting perlu dilaksanakan oleh Kabinet Najib kerana kita mesti sedar, insaf dan mengakui bahawa kuasa ekonomi sesungguhnya kuasa yang sangat mutlak dan mampu mencorakkan kuasa politik.

kerana mungkin piawaian bukan soal besar di sana.

Antara isu kritikal di Wilayah Persekutuan ialah kurangnya ruang dan peluang untuk Bumiputera berniaga. Justeru, Kementerian Wilayah Persekutuan perlu ada bajet sewajarnya untuk membangunkan kelompok usahawan Melayu di ibu negara. Malah, kementerian itu juga perlu ada bajet khusus untuk menangani kemiskinan Melayu di bandar. Menteri juga perlu ada kuasa pada bidang tertentu yang lebih 'power' daripada kuasa Datuk Bandar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga perlu ada program khusus untuk pembangunan usahawan Bumiputera. Apa yang perlu dilakukan ialah Umno mesti meletakkan wakilnya dalam barisan ahli majlis daerah atau perbandaran. Mereka diberi tugas serius dalam meletak dan mempertahankan kepentingan Melayu di kawasan perbandaran termasuk menetapkan tapak dan ruang perniagaan untuk diisi Bumiputera.

Berikutan itu, turut perlu dilakukan ialah penyusunan semula jentera Umno bahagian dan Umno negeri yang mesti diperbesar skop peranannya. Ini termasuk melantik atau meletakkan wakilnya dalam jabatan, agensi dan majlis perbandaran bukan dengan status proksi politik tetapi bekerja untuk parti.

Tanggungjawab sama perlu dipikul Kementerian Kerjaraya, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Perusahaan, Peladangan dan Komoditi.

Ternyata 'revolusi pembangunan Bumiputera' perlu dilaksanakan segera. Ia bukan setakat membabitkan pembangunan usahawan tetapi apa saja yang berkaitan dengan masa depan, kepentingan dan strategik Bumiputera.

Tidak ketinggalan ialah bidang pendidikan, sosial dan ekonomi. Apabila memperkatakan soal sosial maka jentera Kabinet Najib perlu menggempur gejala dadah, habis-habisan. Inilah wabak yang sudah menghancurkan sebahagian hidup dan warga Bumiputera. Inilah *strok* yang sudah melumpuhkan separuh kekuatan Melayu dan akan menyapukan keseluruhannya jika tidak ditangani segera secara serius.

Bukankah ini sudah disebutkan dalam al-Quran bahawa 90 peratus rezeki adalah daripada perniagaan dan kekuatan umat Islam masa lampau antara lain rangkaian perdagangan antara benua.

Kementerian lain yang perlu aktif melaksanakan program pembangunan usahawan Bumiputera ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Datuk Mustapa Mohamed yang menerajui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pasti tahu apakah yang mesti dilakukan terhadap usahawan Bumiputera.

Antara halangan yang mesti diketepikan di sepanjang perjalanan usahawan Bumiputera ke pasaran antarabangsa ialah soal urusan kastam, dokumentasi eksport, pematuhan piawaian bertaraf antarabangsa serta pembungkusan.

Sewajarnya kementerian Mustapa diberi lebih banyak bajet untuk membina laluan usahawan Bumiputera ke pasaran global. Kita harus berbangga kerana sudah ada kerepek ubi Malaysia di pasar raya besar di United Kingdom.

Dengan meneruskan kerjasama Selatan Selatan yang dipelopori Tun Dr Mahathir Mohamad, maka itulah sesungguhnya pasaran yang mesti diteroka habis-habisan

Jelas, pemansuhan MeCD bakal membuka satu lembaran baru kepada Bumiputera negara ini. Cuma, kerajaan perlu menampilkan segera pelan induk 'revolusi pembangunan Bumiputera' ini supaya ia tidak dimanipulasikan oleh parti pembangkang. Penjelasan dan pelaksanaan segera adalah penting sebelum parti pembangkang lebih awal menanam dakyah dalam minda rakyat dan ketika itu amat sukar untuk dirungkai atau dikikis semula.

Jangan bimbang soal pertindihan peranan, bajet, pembiayaan dan pengurusan. Lebih banyak program, peluang, bajet, pembiayaan dan tumpuan akan diberikan terhadap Bumiputera.

Umno perlu ingat, tempoh cuma dua tahun untuk melaksanakan program mengukuh dan menguatkan kedudukan Umno sekali gus diterima dengan lebih baik lagi oleh rakyat. Hasil daripada usaha memperkukuh Umno dan melaksanakan 'revolusi pembangunan Bumiputera' itu akan dinilai oleh rakyat khususnya yang mengundi, pada Pilihan Raya Umum Ke-13 pada 2013.

Itu tugas besar yang digalas oleh Najib dan Muhyiddin selaku dua tunggak utama Umno dan kerajaan Barisan Nasional.